

# Rakyat Malaysia ditipu RM914j

Penipuan dalam talian antara kes tertinggi direkod 6 bulan pertama tahun ini

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jumlah kerugian rakyat Malaysia yang menjadi mangsa penipuan atau scam meningkat ketara kepada RM914 juta setakat Jun tahun ini.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Syed Zaid Albar, berkata penipuan dalam talian menjadi antara kes tertinggi dicatatkan sepanjang enam bulan pertama 2020.

“Aktiviti sindiket penipuan semakin berleluasa ketika ini. Pada

Disember 2019, Jabatan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendedahkan berbanding nilai kerugian RM769 juta bagi tempoh tiga tahun lalu dengan penipuan dalam talian antara yang tertinggi dicatatkan,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada Virtual InvestSmart Fest 2020 (Virtual ISF 2020) secara maya, semalam.

Syed Zaid mendedahkan, pasaran modal juga tidak terkecuali daripada aktiviti penipuan, menyaksikan bilangan kes turut meningkat dalam tempoh sembilan bulan tahun ini.

“Dalam pasaran modal pula, setakat akhir September tahun ini, SC menerima 370 pertanyaan dan aduan mengenai skim pelaburan haram berbanding 317 bagi setahun penuh pada 2019.

“Penipuan dijalankan sindiket biasanya menjanjikan pulangan sangat tinggi, tetapi berisiko rendah atau tanpa risiko,” katanya.

“*pasaran modal juga tidak terkecuali daripada aktiviti penipuan, menyaksikan bilangan kes turut meningkat dalam tempoh sembilan bulan tahun ini.*”

**Syed Zaid Albar,**  
Pengerusi SC



Beliau berkata, ketika ini muncul ‘penipuan firma klon’ di mana sindiket akan menyamar sebagai entiti berlesen yang sah untuk mengaburi pelabur supaya mempercayai bahawa mereka benar-benar melabur dengan entiti sah.

“Penemuan kami menunjukkan bahawa promosi penipuan seperti ini biasanya dijalankan

menerusi saluran media sosial dengan penggunaan aplikasi WhatsApp dan Facebook paling tinggi.

“SC menggesa pelabur agar berhati-hati sebelum melabur dalam mana-mana skim yang dipromosikan di media sosial seperti WhatsApp dan Facebook.

“Pelabur hendaklah menggunakan pelbagai saluran yang dise-

diakan oleh SC, seperti Senarai Berhati-Hati (Alert List) SC, untuk mengesahkan kesahihan skim pelaburan dan status individu berkenaan,” katanya.

Syed Zaid berkata, pelabur perlu sentiasa mengesahkan status individu dan entiti berkaitan menerusi SC sebelum memuktamadkan sebarang pelaburan dalam skim yang ditawarkan.

“SC percaya kelemahan pelabur terhadap penipuan mungkin disebabkan sebahagian mereka menjangkakan pulangan pelaburan yang tidak realistik.

“Dalam tinjauan kami awal tahun ini, majoriti pelabur di Malaysia mempunyai jangkauan pulangan yang tidak realistik sebanyak 24 hingga 30 peratus setahun atas pelaburan mereka.

“Perlu diingatkan, jika cadangan pelaburannya terlalu bagus, maka mungkin ia tidak betul,” katanya.